

Bandar

*Bicara
Menteri*
muka 7



PERCUMA 22 – 28 MEI 2017 • 25 SYAABAN – 2 RAMADAN 1438

BIL: 7



Prihatin keluhan pembeli rumah

*KPKT baik pulih
projek terbengkalai*

- Taman Desa Bongsu siap sepenuhnya
- Peruntukan kerajaan RM14.7 juta
- Hadiah bermakna sambut Aidilfitri *muka 2*



*SWCorp, UPM anjur
Konvensyen Kelestarian
Kampus Hijau muka 3*



*Kabinet lulus KPKT
ambil alih PPR Lembah
Subang 1 muka 4*



*1MYC memperkasakan
golongan belia muka 6*



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat



Tan Sri Noh Omar dan Datuk Seri Mohd. Sharkar Shamsudin (kanan) beramah mesra bersama penerima-penerima kunci pada Majlis Penyerahan Kunci dan Sijil Layak Menduduki (CFO) Taman Desa Bongsu di Lanchang, Temerloh, Pahang baru-baru ini.

KPKT bantu pulihkan Taman Desa Bongsu

71 bekas tentera akhirnya miliki rumah sendiri

SEBANYAK 71 bekas tentera yang teraniaya selepas rumah yang mereka beli di Taman Desa Bongsu di Lanchang, Temerloh, Pahang terbengkalai sejak 14 tahun lalu akhirnya mampu menarik nafas lega setelah mendapat pembelaan sewajarnya oleh kerajaan.

Kesemua bekas tentera terbabit menerima kunci rumah masing-masing daripada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dalam satu majlis di kawasan perumahan berkenaan baru-baru ini.

Noh berkata, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil inisiatif dan langkah strategik untuk memulihkan projek berkenaan dengan menggunakan dana kerajaan sebanyak RM14.7 juta.

“Peruntukan ini yang bersamaan RM153,125 bagi seunit rumah adalah bagi membantu para pembeli teraniaya yang rata-ratanya terdiri daripada bekas tentera.

“Jadi dengan harga rumah yang dibeli pada 2001 ini antara RM58,000 hingga RM78,000 bermakna kerajaan telah memberi bantuan dana antara RM75,125 hingga RM95,125 bagi setiap rumah untuk dipulihkan dan ini merupakan cara kita menghargai jasa bekas tentera,” katanya



Shamudi Mat Akil kelihatan sangat gembira kerana rumahnya di Taman Desa Bongsu yang terbengkalai sejak 2003 akhirnya berjaya disiapkan melalui bantuan kerajaan.



ADNAN AWANG DIN

ketika berucap pada majlis berkenaan.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Pahang, Datuk Seri Mohd. Sharkar Shamsuddin; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT, Datuk Dr. Tam Weng Wah; Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Datuk Abdul Rahim Ishak; Pegawai Daerah Temerloh, Datuk Mohd. Fadzi Mohd. Kenali dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Temerloh, Azlan Mohd. Yaman.

Noh memberitahu, pemaju penyelamat yang dilantik pada 13 Julai 2015 untuk memulihkan projek Taman Desa Bongsu

yang terbengkalai berjaya menyiapkan kesemua 96 unit rumah teres pada Januari lalu.

Sementara itu, rata-rata bekas tentera yang menerima kunci rumah masing-masing pada majlis tersebut menyifatkan kejayaan KPKT memulihkan projek Taman Desa Bongsu memberi sinar baharu dalam hidup mereka.

Bekas tentera, Shamudi Mat Akil, 55, berkata, penerimaan kunci rumah berkenaan menjadi detik bermakna kepada masa depan bekas tentera sekali gus mengakhiri penantian mereka untuk memiliki rumah sendiri.

“Setelah 14 tahun menunggu kami bersyukur kerana projek ini dapat dipulihkan. Lama kami menanti akhirnya mentari menyinar kembali. Kami amat berterima kasih kepada KPKT dan jasa serta budi kalian amat kami hargai,” katanya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Taman Desa Bongsu.

Seorang lagi bekas tentera, Adnan Awang Din, 54, berkata, dia tidak menyangka akan menerima rumah ini selepas menunggu selama 16 tahun.

“Memang sengsara menunggu sehingga saya terpaksa menumpang rumah pusaka di kampung bak kata orang menangis pun tidak berair mata.

“Perimaan kunci rumah ini amat bermakna dan menjadi hadiah hari raya Aidilfitri bagi kami sekeluarga,” ujarnya.



Kerajaan menyalurkan peruntukan sebanyak RM14.7 juta bagi menyelamatkan projek perumahan Taman Desa Bongsu.

188 projek perumahan terbengkalai berjaya diselesaikan

SEBANYAK 188 daripada 253 projek perumahan yang terbengkalai mulai tahun 2009 hingga 31 Mac lalu telah berjaya diselesaikan oleh Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Secara keseluruhan, jumlah projek perumahan terbengkalai yang berjaya diselesaikan mencatatkan kadar 74 peratus.

Dalam pada itu, sebanyak 17 projek atau enam peratus sedang dalam peringkat pemulihan dan pembinaan manakala baki 48 projek atau 19 peratus sedang dalam peringkat perancangan awal pemulihan.

Sebanyak 32 daripada 188 projek perumahan swasta berkenaan telah dipulihkan menggunakan dana kerajaan dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM204 juta.

Kementerian menerusi Jabatan Perumahan Negara telah mengambil beberapa langkah untuk menangani masalah projek perumahan terbengkalai seperti mengenal pasti pemaju perumahan yang berkeupayaan dan berpengalaman untuk mengambil alih pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai itu.

Selain itu, Jabatan Perumahan Negara turut melaksanakan pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai terutamanya kategori kos rendah dan kos sederhana melalui peruntukan yang



Tan Sri Noh Omar menyerahkan replika kunci dan Sijil Layak Menduduki kepada penduduk-penduduk Taman Tradisi Indah di Klang, Selangor baru-baru ini pada majlis yang turut dihadiri Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique (dua dari kanan).



Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Datuk Abdul Rahim Ishak (baju putih depan) mengadakan lawatan ke projek perumahan swasta terbengkalai di Taman Desa Bongsu, Lanchang, Pahang pada 21 Julai tahun lalu.

disediakan Kerajaan Persekutuan bagi menampung kos tambahan pemulihan projek tersebut.

Jabatan Perumahan Negara juga akan bekerjasama dengan Jabatan Insolvency Malaysia serta pelikuidasi swasta bagi membantu memulihkan projek perumahan terbengkalai itu.

Dalam hal ini, pihak kementerian akan bertindak sebagai pengantara bagi membantu pelikuidasi dan kontraktor penyela-mat untuk berhubung dengan pihak

berkuasa tempatan (PBT), agensi teknikal serta pihak pembiaya (institusi kewangan).

Di samping itu, pihak kementerian juga akan mengenakan tindakan pendakwaan dan kompaun ke atas pemaju-pemaju yang tidak mematuhi peruntukan dan peraturan yang terkandung di dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118).

Kementerian akan mengambil tindakan menyenarai hitam pemaju-pemaju yang menyebabkan projek perumahan

terbengkalai, pemaju terlibat dengan projek sakit, pemaju gagal membayar kompaun, pemaju ingkar award Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan pemaju perumahan tanpa lesen.

Apabila disenarai hitam, pemaju dan ahli lembaga pengarah terbabit tidak boleh memohon lesen serta permit iklan dan jualan sedia ada. Malah, senarai pemaju yang disenarai hitam juga dipaparkan di laman web KPKT untuk rujukan pembeli dan pihak berkepentingan.



Rumah terbengkalai yang siap dibina di Taman Tradisi Indah, Klang, Selangor.



Tan Sri Noh Omar beramah mesra dengan penduduk Taman Tradisi Indah di Klang, Selangor pada Majlis Penyerahan Kunci dan Sijil Layak Menduduki baru-baru ini.

SWCorp, UPM anjur Konvensyen Kelestarian Kampus Hijau



Tan Sri Dr. Ali Hamsa menandatangani buku pelawat sambil diperhatikan Datuk Haji Mohammad bin Mentek (dua dari kiri) selepas melancarkan Konvensyen Kelestarian Kampus Hijau di UPM, Serdang, Selangor baru-baru ini.

PERBADANAN Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) menganjurkan Konvensyen Kelestarian Kampus Hijau di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor baru-baru ini.

Konvensyen tersebut berperanan sebagai platform untuk menyampaikan maklumat kepada mahasiswa universiti awam dalam usaha memelihara dan menjaga kebersihan serta kelestarian alam sekitar.

Dalam majlis tersebut, UPM telah dipilih untuk menerima Anugerah Kursi Tan Sri Dr. Ali Hamsa yang merupakan pengiktirafan kerajaan kepada universiti awam dalam aspek kelestarian alam sekitar khususnya berkaitan pengurusan sisa pepejal.

Universiti tersebut menerima anugerah berbentuk sijil dan wang tunai dalam bentuk geran penyelidikan berjumlah RM300,000 yang akan disalurkan dalam tempoh tiga tahun yang disampaikan sendiri oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Ali ketika berucap merasmikan konvensyen itu berharap geran tersebut dapat digunakan sebaik mungkin untuk terus memastikan kelestarian alam sekitar di negara ini.

Beliau berkata, kerajaan menyasarkan

untuk mengurangkan jumlah sisa pepejal sebanyak 40 peratus dan mencapai tahap kitar semula sebanyak 22 peratus menjelang tahun 2020.

"Setiap tahun jumlah sisa pepejal yang terjana meningkat sekitar dua hingga lima peratus dan antara penyumbang adalah pertambahan penduduk serta perubahan cara hidup rakyat Malaysia," katanya.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Haji Mohammad bin Mentek; Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris dan Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp, Datuk Zulkapli Mohamed.

Sementara itu, Mohammad berkata, dalam usaha meningkatkan kualiti pengurusan pelupusan sisa pepejal di negara ini, sebanyak 27 tapak pelupusan sanitari telah dibina dan dinaik taraf manakala 16 tapak pelupusan ditutup bagi mengurangkan masalah pencemaran terhadap alam sekitar.

Beliau berkata, kerajaan telah membelanjakan lebih RM1 bilion sejak tahun 2009 serta melantik operator pengurusan sisa pepejal untuk menguruskan fasiliti tersebut mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Kabinet lulus KPKT ambil alih PPR Lembah Subang 1

KABINET telah memberi kelulusan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mengambil alih pengurusan Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 daripada kerajaan negeri Selangor.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Kabinet baru-baru ini.

"Pada masa sama, kita turut mengkaji tuntutan berjumlah RM60 juta yang dikemukakan oleh kerajaan negeri Selangor," katanya selepas merasmikan sambutan Hari Ibu di PPR Lembah Subang 1 di Subang, Selangor baru-baru ini.

Beliau menambah, KPKT juga akan mengemukakan tuntutan balas sekiranya kerajaan negeri Selangor masih meneruskan tindakan menuntut bayaran RM60 juta itu.

Noh memberitahu, tuntutan balas itu dianggarkan berjumlah RM35 juta yang merangkumi kadar sewa bagi 3,000 unit kediaman mulai 2008 hingga kini.

"Selain itu, kita akan mengemukakan tuntutan sebanyak RM28 juta bagi kerja-kerja membaik pulih yang dilaksanakan di PPR Lembah Subang 1," jelasnya.

Beliau turut mengumumkan kelulu-



Tan Sri Noh Omar meraikan para ibu pada majlis sambutan Hari Ibu di PPR Lembah Subang 1 di Subang, Selangor baru-baru ini.

san peruntukan sebanyak RM16 juta bagi membina 23 unit lif yang dilengkapi akses keselamatan di PPR Lembah Subang 1.

"Projek membina lif itu dijangka mengambil masa antara lima hingga enam bulan untuk disiapkan," jelasnya.



Tan Sri Noh Omar mengumumkan kelulusan peruntukan RM16 juta bagi membina 23 lif baharu di PPR Lembah Subang 1.

Kakitangan KPKT sertai Wacana TN50

Kakitangan KPKT mendengar taklimat TN50 dalam sesi wacana peringkat kementerian di Putrajaya baru-baru ini.



SERAMAI 250 kakitangan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menghadiri sesi pertama Wacana Transformasi Nasional 2050 (TN50) di Dewan Kristal, KPKT, Putrajaya baru-baru ini.

Wacana yang bertemakan TN50: Impak Urbanisasi itu disertai kakitangan dari pelbagai jabatan, bahagian dan agensi di bawah KPKT terutamanya Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana yang berumur 40 tahun ke bawah.

Program wacana serta taklimat TN50 itu dikendalikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif TN50, R. Effendi Razali.

Dalam program tersebut, para peserta telah memberikan cadangan, aspirasi, keperluan serta harapan mengenai pembentukan negara Malaysia menjelang tahun 2050 mengikut tujuh teras dan tema ditetapkan.

Pada penghujung wacana tersebut, para peserta turut diminta untuk memilih salah satu daripada 27 bidang fokus yang akan menjadi keutamaan negara dalam pembentukan Malaysia menjelang tahun 2050.

Terdapat tujuh teras serta 27 bidang utama yang telah diberikan penekanan dalam program wacana peringkat KPKT tersebut.

Tujuh teras tersebut ialah perseki-



Peserta-peserta memberikan cadangan mereka dalam Wacana TN50 peringkat kementerian baru-baru ini.





taran, gaya hidup, pendidikan, nilai-nilai murni, urus tadbir, pekerjaan dan Malaysia di pentas global.

Inisiatif pembentukan TN50 diselaraskan oleh Sekretariat TN50 iaitu Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi kumpulan sasar belia yang berumur antara 18 hingga 40 tahun.

TN50 yang merupakan kesinambungan kepada Wawasan 2020 adalah pelan rancangan jangka panjang kerajaan untuk membangunkan negara iaitu dari tahun 2021 hingga 2050.

Ia telah dilancarkan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya (UM) pada 19 Januari lalu.



Kakitangan KPKT memasukkan borang maklum balas dalam kotak yang disediakan.



Tan Sri Noh Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

#TanyaMenteriKPKT #Parlimen2017

1 Adakah Tribunal Pengurusan Strata akan mempercepatkan perbicaraan kes-kes pengurusan strata terutamanya di wilayah utara dan memberikan latihan komprehensif kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB) supaya mereka tahu bagaimana hendak memulakan siasatan?

Pengurusan strata

✓ Bagi tahun 2016, sebanyak 336 kes Tribunal Pengurusan Strata difailkan di Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata Zon Utara. Darpada jumlah tersebut, sebanyak 267 kes telah berjaya diselesaikan.

✓ Bagi kes Tribunal Pengurusan Strata, petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan adalah penyelesaian kes dalam tempoh 150 hari bekerja dari tarikh pemfailan kes. Kesnya banyak tetapi kita letakkan KPI dan Kementerian sedang memantau supaya tribunal ini mencapai semua KPI yang telah ditetapkan.

MENTERI JAWAB

COB

KPKT telah dan sedang mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

✓ Meningkatkan dan memantapkan kompetensi serta kepakaran pegawai-pegawai COB di pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan mengadakan latihan kursus peningkatan kefahaman serta praktikal selain daripada program latihan berterusan yang ditawarkan oleh Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

✓ Menyelaraskan tindakan-tindakan COB seluruh negara, menyediakan platform perkongsian ilmu dan juga amalan terbaik.

✓ Mewujudkan unit penguatkuasaan yang dianggotai oleh tujuh anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membantu COB di PBT menjalankan penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

✓ Menganjurkan bengkel teknik dan penyediaan kertas siasatan komprehensif bagi memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai COB di PBT dan pegawai penyiasat yang diberi kuasa di bawah Akta 757.

Usaha ini diharapkan dapat membantu COB dalam menjalankan siasatan dan seterusnya mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih efektif.

■ Sidang Dewan Rakyat, 23 Mac 2017

2 Adakah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan meminda akta bagi memberi kuasa tertentu kepada Menterinya untuk mengambil alih dan memulihkan projek yang tidak disiapkan dalam tempoh yang bersesuaian walaupun pemaju bukan kategori muflis?

✓ Pemantauan secara berkala akan dilaksanakan oleh KPKT bagi memastikan terdapat kerja-kerja yang berjalan di tapak dan projek dapat diserahkan kepada pelanggan walaupun telah melebihi tarikh perjanjian jual beli.

✓ Senarai projek sakit akan dipaparkan di laman web Jabatan Perumahan Negara (JPN) bersama nama pemaju, nama projek dan tarikh surat perjanjian jual beli.

✓ Pemaju hendaklah dibuktikan sepenuhnya mengabaikan projek sekurang-kurangnya enam bulan atau tiada sebarang aktiviti yang dijalankan di tapak pembinaan. Pemantauan di tapak dilaksanakan dengan lebih kerap dan mesyuarat turut diadakan sebelum projek tersebut dikategorikan sebagai projek terbengkalai.

✓ Pemaju yang menjalankan kerja-kerja di tapak dengan perlahan tidak dikategorikan sebagai projek sakit kerana menunjukkan masih terdapat komitmen daripada pemaju untuk meneruskan dan menyiapkan projek.

■ Sidang Dewan Rakyat, 23 Mac 2017

3 Berapakah jumlah unit Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dibina di Kota Kinabalu yang seterusnya boleh memanfaatkan penduduk Kota Kinabalu?

Sabah - 26 projek PPR

KOTA KINABALU

PPR
Telipuk Ria
2,400
unit

PPR Telipuk
Kota Kinabalu
2,174
unit

PPR Bukit
Padang Kota
Kinabalu
760
unit



1MYC memperkasakan golongan belia

1 MALAYSIA Youth City (1MYC) yang juga dikenali sebagai Bandar Belia 1Malaysia merupakan inisiatif yang diterajui oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), kerajaan negeri serta pihak swasta.

Pembangunan 1MYC merupakan satu pembangunan yang holistik, komprehensif dan bersepadu bagi memberi peluang pekerjaan kepada golongan belia, peluang dalam bidang keusahawanan serta peluang meningkatkan kemahiran dan keupayaan diri, di samping dapat menikmati hidup secara sejahtera dengan kemudahan rekreasi dan perumahan mampu milik.

KPKT merupakan penyelar dalam pelaksanaan projek fizikal manakala KBS dan KKLW memainkan peranan dalam pengisian program 1MYC. Kementerian lain yang turut terlibat dalam pembangunan 1MYC adalah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan agensi-agensi seperti Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), 1Malaysia for Youth (iM4U) serta persatuan-persatuan seperti Majlis Belia Daerah.

Ia merupakan langkah kerjasama antara kerajaan dengan agensi di samping memanfaatkan sumber sedia ada dalam kementerian dan agensi masing-masing untuk memastikan pelaksanaan secara kos yang rendah, penguatkuasaan yang pantas dan impak yang tinggi selaras dengan konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Terdapat empat lokasi bagi 1MYC iaitu 1MYC Tanjong Malim, Perak; 1MYC Putrajaya; 1MYC Lundu, Sarawak dan 1MYC Tuaran, Sabah.

1MYC Tuaran, Sabah


- Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah telah menyediakan cadangan pembangunan 1MYC Tuaran yang merangkumi dua tapak pembangunan yang utama iaitu di Tapak Pekan Tuaran (Fasa 1) dan di Tapak Tanah Persekutuan Laya-Laya (Fasa 2). Konsep 1MYC bagi Tuaran adalah berdasarkan kepada Pelancongan, Budaya dan Sukan.
- Sepanjang tahun 2016, sebanyak 10 jenis program telah dijalankan oleh Jabatan Belia dan Sukan Persekutuan Negeri Sabah dengan jumlah keseluruhan peserta adalah 8,000 orang. Pelaksanaan program menggunakan peruntukan daripada Kementerian Belia dan Sukan Sabah melalui Jabatan Belia dan Sukan Persekutuan Negeri Sabah.

1MALAYSIA YOUTH CITIES 1MYC



DEVELOPMENT COMPONENT

1MYC TANJONG MALIM



1MYC Lundu, Sarawak

- Tema pembangunan bagi 1MYC Lundu ialah sukan dan eko-pelancongan yang dikelola oleh agensi penyelar utama ialah Kementerian Belia, Sukan dan Solidariti Negeri Sarawak (KBSS) serta Majlis Daerah Lundu.
- Pelaksanaan 1MYC di Lundu akan memberi penumpuan kepada pembangunan menaik taraf kemudahan sedia ada bagi menjadikan Lundu sebagai satu tempat yang menyediakan kemudahan untuk latihan, sukan dan beriadah bagi golongan belia.
- Perancangan ini turut mengambil kira penyediaan peluang pekerjaan, tempat beriadah, tempat tinggal, tempat latihan dan jaringan komunikasi yang menyeluruh untuk para belia setempat supaya kadar penghijrahan belia ke bandar dapat dikurangkan.
- Sepanjang 2016, pelbagai program pengisian 1MYC Lundu dengan program utama yang berjaya dianjurkan ialah Pesta Lundu 2016 yang telah diadakan pada 3 hingga 6 November 2016. Pesta Lundu 2016 dibahagikan kepada tiga kluster program iaitu Youth Bizz (keusahawanan), Youth Games (sukan) dan Youth Potentials (kemahiran) dan telah berjaya menarik penglibatan seramai 15,000 orang belia.



1MYC Putrajaya

- Akan dilaksanakan di atas tanah seluas 6.56 ekar atau 2.65 hektar dengan komponen pembangunan terdiri daripada Rumah Transit, Hotel Bajet (Dorm/Hotel), Hab Perniagaan Belia, Pusat Seni dan padang terbuka.
- Pembangunan 1MYC juga akan dilaksanakan seiring dengan pembangunan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) Fasa 2, Presint 5 yang akan dilaksanakan oleh anak syarikat Perbadanan Putrajaya.
- Syarikat tersebut sedang menjalankan kajian kebolehlaksanaan dan kini dalam pertimbangan Perbadanan Putrajaya.

1MYC Tanjong Malim, Perak

- Memberi fokus kepada mengurangkan kadar penghijrahan penduduk ke bandar besar seperti Kuala Lumpur dengan berteraskan Live-Learn-Work-Play.
- Pembangunan 1MYC juga menekankan penglibatan pihak swasta melalui konsep Kerjasama Awam Swasta (PPP) yang mana 9 projek PPP telah dikenal pasti di bawah 1MYC, Dataran Aman Jaya Slim Village di bawah seliaan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) telah siap dilaksanakan, manakala selebihnya dalam pelbagai peringkat pelaksanaan penyelesaian isu tanah, permohonan Kebenaran Merancang (KM), pencarian pelabur, perancangan dan reka bentuk.
- Sepanjang tahun 2016, sebanyak 41 program belia telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan seperti KBS, KKLW, KPDNKK dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan pihak swasta iaitu Sarang Art Hub dengan penglibatan 130,000 belia tempatan dan sekitarnya.

BICARA MENTERI

Memulihkan projek perumahan swasta yang terbengkalai

ALHAMDULILLAH, bulan Ramadhan telah tiba sekali lagi dan sebelum saya memulakan bicara pada minggu ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Ramadhan Al-Mubarak kepada semua umat Islam di Malaysia walau di mana jua anda berada.

Marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana masih diberi kesempatan untuk menikmati bulan yang mulia ini serta menggunakan kesempatan yang diberi ini untuk memperbanyakkan ibadah.

Minggu lepas saya telah berbicara tentang pengurusan sisa pepejal di Malaysia dan minggu ini saya ingin menyambung sedikit lagi pesanan kepada semua rakyat Malaysia supaya tidak membazir makanan semasa berbuka agar dapat kita bersama-sama mencapai matlamat #ZeroFoodWaste.

Menjelang musim perayaan yang akan datang ini, saya pasti pelbagai persediaan yang bakal dibuat termasuk dari segi persiapan rumah.

Oleh itu, pada 25 Mei yang lepas, saya amat berbesar hati kerana dapat menyerahkan kunci dan Sijil

Layak Menduduki (CFO) kepada pembeli rumah Taman Desa Bongsu di Lanchang, Pahang iaitu sebuah projek perumahan swasta yang telah terbengkalai sejak tahun 2003.

Rata-rata para pembeli yang teraniaya terdiri daripada anggota tentera atau pesara tentera yang akhirnya dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa melalui pemilihan rumah ini. Harga seunit rumah yang mereka beli pada 2001 adalah di antara RM58,000 hingga RM78,000 seunit pada ketika itu.

Langkah kerajaan menyelamatkan projek perumahan swasta terbengkalai ini adalah melalui bantuan dana berjumlah antara RM75,125 hingga RM95,125 bagi setiap unit rumah yang berjaya dipulihkan. Adalah diharapkan bantuan dan usaha kerajaan ini dapat sedikit sebanyak menghargai pengorbanan anggota tentera yang telah berbakti kepada negara kita.

Usaha membantu memulihkan projek perumahan swasta yang terbengkalai ini merupakan inisiatif bantuan kerajaan sejak tahun 2009. Langkah yang diambil oleh kerajaan ini adalah bagi membantu pembeli-

pembeli yang teraniaya dan sehingga 30 April 2017, sebanyak 253 projek perumahan swasta yang diisytiharkan sebagai terbengkalai di seluruh Semenanjung Malaysia, melibatkan sebanyak 64,290 unit rumah dan seramai 43,537 orang pembeli.

Secara terperinci, daripada jumlah tersebut sebanyak 188 (74%) projek telah berjaya disiapkan atau diselesaikan. Daripada jumlah 188 projek yang diselesaikan tersebut, 32 projek telah dipulihkan menggunakan dana kerajaan dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM218.4 juta yang memberi manfaat kepada seramai 5,079 orang pembeli yang senasib dengan pembeli-pembeli projek perumahan Taman Desa Bongsu di Lanchang, Pahang.

Untuk makluman pembaca, tiada peruntukan khusus dalam Akta 118 yang mewajibkan kerajaan memulihkan projek-projek perumahan swasta yang disahkan terbengkalai. Walau bagaimanapun, langkah pemulihan projek terbengkalai yang dibuat oleh kerajaan ini, adalah bukti keprihatinan kerajaan yang sentiasa peka dan memastikan permasalahan rakyat didengari serta diselesaikan

dengan baik sekali.

Pada minggu yang lepas juga saya telah melawat Apartment Kristal di Taman Selayang Mutiara yang telah terbengkalai selama 18 tahun. Saya amat simpati dengan nasib pembeli-pembeli projek perumahan ini dan telah meluluskan bantuan pemulihan projek terbengkalai kepada projek tersebut. Insya-Allah, KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara akan memulakan proses pemulihan projek Apartment Kristal pada bulan Ogos tahun ini.

Sebelum mengakhiri bicara minggu ini, saya juga ingin mengucapkan selamat bersara dan jutaan terima kasih di atas perkhidmatan yang diberikan oleh mantan Ketua Pengarah PLAN Malaysia, Dato' Dr. Dolbani Mijan yang telah menamatkan perkhidmatan beliau pada 20 Mei yang lepas. Sekali lagi, selamat menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak kepada semua umat Islam dan semoga bulan ini membawa keberkatan kepada kita semua.

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO





Turut bersimpati

Tan Sri Noh Omar menziarahi keluarga Allahyarham Muhammad Nazirul Nasyat Mat Isa, kanak-kanak yang meninggal dunia setelah terjatuh dari tingkat 10 Pangsapuri Mawar di Selayang Mulia, Gombak, Selangor pada 21 Mei lalu.



Konvensyen Koperasi Hartanah

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Haji Mohammad bin Mentek (dua dari kanan) melihat model rumah yang dipamerkan pada majlis perasmian Konvensyen Koperasi Hartanah Kebangsaan 2017 di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam, Selangor pada 24 Mei lalu.



Pengurusan strata

Pegawai KPKT turut berada di Seminar Pengurusan Strata yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Ipoh di Ipoh, Perak pada 23 Mei lalu untuk memberi penerangan lanjut mengenai pengurusan strata kepada para peserta.



Sehati Negaraku

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar turut menghadiri Program Universiti Bersama Timbalan Perdana Menteri: 'Sehati Negaraku Malaysia' yang dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi di Dewan Agong Tuanku Canselor, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor pada 19 Mei lalu.



Kadet bomba

Perasmian Perkhemahan Kadet Bomba Kebangsaan Ke-27 yang disempurnakan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Mohamad Hasan di Rantau Eco Park, Seremban, Negeri Sembilan pada 17 Mei lalu.



Promosi WUF9

Pasukan Urbanice Malaysia dari KPKT menyertai Festival Amerika Latin Ke-9 di Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada 21 Mei 2017 untuk memberi kesedaran mengenai Forum Bandar Sedunia Ke-9 (WUF9) kepada wakil-wakil kedutaan negara-negara Amerika Selatan, expatriat dan orang ramai.



Hari Guru

Tan Sri Noh Omar meraikan para guru dalam Sambutan Hari Guru 2017 Peringkat Daerah Kuala Selangor di One Plaza, Kuala Selangor pada 24 Mei lalu.



Gaya tersendiri

Tan Sri Noh Omar menyepak bola selepas merasmikan Liga Penalti Satu Selayang di Padang Institut Kraf Negara, Taman Templer, Rawang, Selangor pada 21 Mei lalu.



Selamat bersara

Bekas Ketua Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Dato' Dr. Dolbani Mijan mengetik kad perakam waktu pada hari terakhir beliau bertugas sebelum bersara pada 19 Mei lalu.

Amalan penduduk PPR Hiliran Ampang

Hubungan akrab sesama jiran tetangga

SEMANGAT kejiranan yang utuh merapatkan lagi hubungan persaudaraan dalam kalangan penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) Hiliran Ampang, Kuala Lumpur.

Suasana kehidupan di bandar raya yang sentiasa sibuk tidak menghalang mereka daripada melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, sukaneka, menyampaikan bantuan kebajikan serta saling menziarahi antara satu sama lain.

Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Hiliran Ampang Blok A, Isa Said, 58, berkata, amalan hidup berjiran telah menjadi tradisi penduduk sejak mereka mendiami kawasan perumahan itu pada 2004.

Menurut beliau, kemudahan seperti Dataran Integriti yang disediakan kerajaan memudahkan penduduk PPR Hiliran Ampang berhimpun bagi menjayakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dirancang.

"Di sini, sikap saling membantu, kerjasama dan mengambil tahu antara satu sama lain dapat diwujudkan tanpa memikirkan soal keringat, penat lelah dan upah kerana kesepakatan menjadi keutamaan," katanya.

Isa berpendapat, usaha untuk mewujudkan suasana kejiranan yang rukun dan damai pada masa ini mungkin agak

sukar berikutan wujudnya perbezaan pandangan serta pemikiran dalam masyarakat.

Walau bagaimanapun, beliau percaya segala titik perbezaan itu boleh dicanumkan melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.

"Selain itu, program Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang memberi penekanan terhadap usaha menjaga keselamatan dan ketenteraman komuniti berupaya menyatupadukan penduduk," jelasnya.

Isa menambah, penduduk PPR Hiliran Ampang juga tidak lokek menghulurkan bantuan berupa wang tunai dan barangan keperluan kepada jiran-jiran mereka yang lebih memerlukan.

"Kami mempunyai rekod tahunan yang menyenaraikan keluarga berpendapatan rendah dan penduduk yang memerlukan bantuan untuk menampung kos perubatan.

"Usaha kami dipergiatkan dengan mencari dana daripada pihak luar seperti badan-badan korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ahli politik," katanya.

Hubungan akrab dalam kalangan penduduk PPR Hiliran Ampang terjalin sejak zaman kanak-kanak.



Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) yang beroperasi di PPR Hiliran Ampang.



Surau yang bersih dan selesa untuk umat Islam beribadah termasuk mengerjakan solat sunat tarawih sepanjang bulan Ramadan.

INFO

PPR HILIRAN AMPANG

Lokasi:
Jalan Ampang Putra, Taman Putra Sulaiman, Kuala Lumpur

Dibina

1999

Didiami

2008

948
unit

3
blok

17
tingkat

4,000
penduduk

Berdekatan
Lebuhraya
Lingkar
Tengah 2
(MRR2)

Keluasan
2.9
hektar

PPR Hiliran Ampang menempatkan kira-kira 4,000 penduduk sejak mula didiami pada 2004.

APA KATA PENDUDUK?



"KONSEP kejiranan yang diamalkan penghuni PPR Hiliran Ampang ini bertepatan dengan Projek Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Kejiranan Indah yang dilancarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)."



ISA SAID, 58
Penduduk

"MARILAH kita bersama-sama mengutamakan hal kekeluargaan dan kemasyarakatan yang mendasari semangat kejiranan kerana amalan ini bertepatan dengan usaha menggalakkan hubungan harmoni antara kaum."



JAMIL SAWANDIN, 59
Penduduk

"BAGI saya, usaha membangunkan PPR di ibu negara melalui pelaksanaan sistem sewa dan beli tanpa bayaran deposit dapat membantu mengurangkan beban rakyat."



JANI SAWANDIN, 53
Penduduk

"SUSAH-senang sesama jiran ditangani bersama-sama. Bersikap bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing perlu dipinggirkan daripada sanubari setiap penghuni."



MALINDA RAPI, 30
Penduduk



Antara barangan yang disita adalah harta mudah alih seperti televisyen.

Gara-gara gagal membayar tunggakan caj penyelenggaraan

Harta pemilik kediaman berstrata disita

OPERASI sitaan harta alih pemilik kediaman berstrata yang gagal membayar tunggakan caj penyelenggaraan kepada Perbadanan Pengurusan (MC) yang pertama di Malaysia telah dilaksanakan di sebuah kawasan perumahan di Bangi, Selangor baru-baru ini.

Tindakan penguatkuasaan terhadap lima pemilik kediaman terbabit diambil mengikut peruntukan yang terkandung dalam Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) oleh MC kawasan perumahan berkenaan.

Turut terlibat dalam operasi tersebut adalah Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Kajang (COB MPKj); Jabatan Undang-undang MPKj; Unit Penguatkuasaan Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Polis Diraja Malaysia

» Setiap pemilik kediaman dianggarkan mempunyai tunggakan caj perkhidmatan antara RM5,000 hingga RM9,000 ..."

(PDRM).

Operasi sitaan itu berjalan lancar di mana kesemua pemilik kediaman memahami tujuan kedatangan pasukan penguat kuasa dan memberikan kerjasama.

Setiap pemilik kediaman dianggarkan mempunyai tunggakan caj perkhidmatan antara RM5,000 hingga RM9,000 sejak

beberapa tahun lalu, dengan nilai keseluruhan sebanyak RM40,000.

Antara barangan yang disita adalah perabot, peralatan elektrik, tong gas, telefon pintar, peralatan muzik dan basikal di mana kesemuanya akan dilelong jika pemilik kediaman gagal menjelaskan tunggakan masing-masing dalam tempoh 14 hari.

Sebelum sitaan dijalankan, MC kawasan perumahan berkenaan telah berunding dengan setiap pemilik kediaman serta mengeluarkan beberapa notis amaran kepada penghuni yang masih gagal membuat pembayaran.

Operasi yang bertujuan memupuk kesedaran dan tanggungjawab pemilik kediaman terhadap aspek pengurusan perumahan berstrata itu akan diperluaskan pelaksanaannya ke lokasi-lokasi lain di seluruh negara.



Operasi sitaan di sebuah kawasan perumahan di Bangi, Selangor baru-baru ini berjalan lancar.

Tindakan sitaan dilakukan di bawah Akta 757 setelah pemilik kediaman gagal menjelaskan tunggakan caj penyelenggaraan kepada MC.

Saluran
Aduan
KPKT

Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
<http://ikepoh.kpkt.gov.my/>

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
<http://www.aduansisa.my/>

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472

Pengindahan, kebersihan Pangsapuri Puteri tanggungjawab pemaaju

MERUJUK kepada aduan yang disiarkan akhbar Kosmo! bertajuk 'Tolong indahkan pangsapuri kami' di Pangsapuri Puteri, Jalan Mat Raja, Padang Jawa, Shah Alam, Selangor pada 18 Februari 2017.

Untuk makluman, pangsapuri di kawasan ini masih lagi belum menubuhkan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan pada masa ini, pangsapuri tersebut diuruskan oleh pemaaju iaitu Lebar Daun Development Sdn. Bhd.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melalui Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) telah mengadakan satu taklimat pada 2 April 2016 untuk membantu menubuhkan JMB namun sambutan penduduk tidak menggalakkan.

Pada 13 September 2016, COB telah mengarahkan pemaaju untuk mengadakan mesyuarat agung bagi menubuhkan JMB tetapi pemaaju telah memohon penangguhan dengan alasan pengeluaran hak milik strata masih dalam proses serta berjanji akan terus menubuhkan Perbadanan Pengurusan (MC).

Ketika ini, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBSA telah menjalankan kerja-kerja kutipan sampah domestik di kawasan tersebut namun sampah-sarap yang dibuang turut melibatkan sampah pukal seperti perabot buruk. Sampah pukal ini sepatutnya diuruskan oleh pihak pemaaju yang menguruskan pangsapuri tersebut.

Sehubungan itu, COB akan mengeluarkan surat peringatan

'Tolong indahkan pangsapuri kami'

SHAH ALAM - Penduduk Pangsapuri Kos Sederhana Puteri, Jalan Mat Raja, Padang Jawa di sini tenggelam punca apabila tiada siapa yang ambil peduli mengenai masalah yang menyelubungi mereka hingga merasakan hidup dalam kawasan berhantu.

Sekali pandang, orang akan menganggap bangunan buruk itu tidak lagi dihuni oleh sesiapa jika diamati dari jejambat Padang Jawa.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati, pangsapuri yang berusia 15 tahun dan didiami oleh 700 penduduk tidak diselenggara dengan baik sehingga mengakibatkan cat bangunan yang tertanggal dan ditumbuhi lumut, saluran paip rosak dan dipenuhi semak samun.

Lebih memburukkan keadaan, terdapat longgokan sampah dan beberapa kenderaan usang yang terbiar di kawasan perumahan itu yang tidak dialihkan serta diangkat hingga menyukarkan penghuninya.

Seorang penduduk, Sham-suddin Nawawi, 46, mendakwa, masalah itu telah diajukan



PENDUDUK Pangsapuri Kos Sederhana Puteri menunjukkan timbunan sampah yang tidak diangkat hingga mengganggu kehidupan mereka di Padang Jawa, Shah Alam.

kepada pemaaju namun mereka seolah-olah bersikap lepas tangan.

"Kami bingung kepada siapa lagi harus diajukan masalah ini."

"Penduduk mahu satu persekitaran yang baik untuk didiami sekurang-kurangnya mengecat bangunan ini," rayunya ketika ditemui *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Tambahnya, penduduk ada membayar yuran penyelenggaraan sebanyak RM80 setahun namun keadaan tidak berubah

menyebabkan segelintir penghuni mula merasa bosan.

Seorang lagi penduduk, Norazri Razali, 43, memberitahu, keadaan persekitaran pangsapuri begitu menyedihkan dan menyakitkan mata memandang.

"Pengurusan juga membiarkan sampah berlonggok di laluan selekoh keluar pangsapuri," katanya.

Kawasan kediaman penduduk itu berada di bawah seliaan Majlis Bandaraya Shah Alam.

kepada pemaaju berkaitan penubuhan JMB/MC dan pemaaju juga akan diminta untuk memastikan pengurusan sampah di kawasan tersebut berada dalam keadaan yang baik.

**Keratan akhbar
Kosmo! bertarikh
18 Februari 2017.**

**ALBUM
BULETIN
BANDAR**



Sukaneka Tadika Permata DUN Semerah, Batu Pahat



Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu



Seberang Jaya, Pulau Pinang



Jalan Inche Besar, Johor Bahru



Pasar Kuala Kubu Bharu



Kejohanan Liga Penalti Satu Selayang Padang Institut Kraf Negara, Taman Templer



SEKSYEN 78 (2) DAN SEKSYEN 79 AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757)

DILAKSANAKAN MELALUI SECARA RUNDINGAN ANTARA

KPKT & COB PBT

KEMUDIAN OPS
DIDEDAHKAN MELALUI

MEDIA ELEKTRONIK & CETAK





TUJUAN AKTA 757



MENGUAR-UARKAN KEPADA PIHAK BERKEPENTINGAN BAHAWA
TINDAKAN PENGUATKUASAAN TELAH MULA DIJALANKAN

MENYEDARKAN MASYARAKAT SUPAYA ASPEK PENGURUSAN,
KEWANGAN DAN LAIN-LAIN DIPERBETULKAN DAN DIKEMASKAN

MENJADIKAN PENGUATKUASAAN SEBAGAI MEDIUM MENDIDIK
MASYARAKAT MENGENAI KEPENTINGAN MENGURUSKAN SKIM
DENGAN BAIK




STATISTIK

PROJEK
PERUMAHAN SWASTA
TERBENGKALAI DI
SEMENANJUNG MALAYSIA

[DARI TAHUN 2009 HINGGA 30 APRIL 2017]

253 PROJEK DISAHKAN TERBENGKALAI DI
SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA

188 PROJEK
SIAP DIDUDUKI



48 PROJEK
PERANCANGAN AWAL

17 PROJEK
SEDANG DIPULIHKAN

Selamat Menyambut Ramadhan Mubarak 1438H

Sabda Rasulullah S.A.W :

Barangsiapa yang berpuasa pada bulan Ramadhan kerana iman dan mengharap pahala (redha Allah), maka diampuni dosa-dosanya yang terdahulu (HR. Bukhari)

Dengan ingatan tulus ikhlas :

TAN SRI NOH HAJI OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

DATUK HALIMAH MOHAMED SADIQUE
TIMBALAN MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

www.kpkt.gov.my @kpkt_gov

KPKT Malaysia f KPKT Malaysia PKPT

Bagai sirih pulang ke ganggang

Amri kembali sarung jersi Selangor

KEPULANGAN penyerang berpengalaman, Amri Yahyah ke pangkuan Selangor diyakini akan memantapkan lagi jentera serangan pasukan tersebut dalam meneruskan saingan Liga Super musim ini.

Khidmat Amri yang sebelum ini menyarung jersi Melaka United dan JDT sememangnya amat diperlukan bagi mengisi tempat Francis Forkey Doe yang ditahan pihak berkuasa atas tuduhan memiliki kereta klon.

Amri yang kini berusia 36 tahun mempunyai reputasi sebagai seorang pemain yang sentiasa memberi komitmen sepenuhnya ketika beraksi di atas padang.

Beliau pernah menjulang dua trofi Piala Malaysia, dua kejuaraan Liga Super serta tiga Piala FA sepanjang 12 tahun bersama Selangor sebelum berhijrah ke JDT.

Malah, gandingan Amri dan pemain import dari Indonesia, Andik Vermansyah dalam pertembungan seterusnya pasti menggerunkan pasukan lawan.

Pengurus The Red Giants, Abdul Rauf Ahmad menyifatkan kepulangan Amri itu bagai sirih pulang ke ganggang dan tepat pada masanya.

"Kepulangan Amri serta Andik yang baru pulih dari kecederaan merupakan rahmat untuk Selangor.

"Pengalaman yang mereka miliki pasti memberi sumbangan besar kepada pasukan yang sedang berdepan cabaran sengit untuk merebut tempat dalam saingan Piala Malaysia," katanya.

Beliau menambah, keserasian gandingan Amri dan Andik juga akan diuji dalam baki perlawanan melibatkan The Red Giants musim ini.

Sementara itu, Selangor tewas kepada Pahang dengan jaringan 0-2 dalam perlawanan ke-13 Liga Super 2017 di Stadium Majlis Perbandaran Selayang pada 24 Mei lalu.

Kedua-dua gol pelawat dijaringkan oleh penyerang import, Matheus Alves pada minit ke-74 dan ke-83.

 KEDUDUKAN LIGA SUPER 2017							
PASUKAN	P	M	S	K	J	K	MATA
JDT	13	9	3	1	29	11	30
Pahang	13	7	3	3	31	17	24
Kedah	13	6	6	1	27	18	24
Kelantan	13	6	2	5	26	21	20
T-Team	13	5	4	4	19	21	19
Perak	13	4	6	3	18	22	18
SELANGOR	13	4	5	4	17	16	17
Felda	13	4	5	4	16	15	17
PKNS	13	2	5	6	22	26	11
Sarawak	13	2	5	6	12	18	11
Melaka	13	2	5	6	13	28	11
P.Pinang	13	1	3	9	10	27	6

Setakat 25 Mei 2017



Sentuhan berbisa Amri Yahyah pasti menggerunkan mana-mana pasukan yang menentang Selangor.



Muhammad Irfan Shamsuddin menunjukkan catatan jarak 61.10 meter yang dilakukannya pada Kejohanan Hallesche Werfertage di Jerman, 21 Mei lalu.



Muhammad Irfan pecahkan rekod sendiri

KEJAYAAN Muhammad Irfan Shamsuddin memecahkan rekod kebangsaan lempar cakera lelaki menjanjikan peluang yang lebih cerah bagi Malaysia merangkul pingat emas dalam acara berkenaan pada Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) Ogos ini.

Atlet berusia 22 tahun itu melakukan lemparan terbaik pada jarak 61.10 meter ketika meraih pingat gangsa pada Kejohanan Hallesche Werfertage di Jerman pada 21 Mei lalu.

Beliau juga memperbaharui rekod lama miliknya sendiri iaitu 59.29m yang dicapai dalam Kejohanan Slovak Clubs Samorin di Slovakia pada Jun tahun lalu.

Pingat emas kejohanan di Jerman itu dimenangi oleh Clemen Prefer yang mewakili SC Potsdam dengan lemparan sejauh 62.29m, manakala pingat perak pula menjadi milik Torben Brandt daripada Sport Club Magdeburg dengan catatan 62.09m.

Muhammad Irfan merupakan antara tiga atlet olahraga negara yang menjadi sandaran utama Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) bagi mempertahankan pingat emas Sukan SEA.

Dua atlet lain ialah jaguh lompat tinggi negara, Nauraj Singh Randhawa dan atlet lompat kijang, Muhammad Hakimi Ismail.

Ketiga-tiga atlet berkenaan merupakan menyumbang pingat emas negara pada temasya Sukan SEA di Singapura dua tahun lalu.

KPKT ambil alih Pangsapuri Kristal

NASIB 450 pembeli unit-unit kediaman Pangsapuri Kristal di Selayang, Selangor yang terbengkalai sejak 16 tahun lalu mendapat pembelaan daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, Kerajaan Persekutuan akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM22 juta bagi membaik pulih kawasan perumahan berkenaan.

"Kerja-kerja membaik pulih akan dilaksanakan tahun ini dan perunding projek yang dilantik oleh KPKT akan membuat penilaian bagi mengenal pasti jenis pembaikan," katanya selepas bertemu pembeli-pembeli Pangsapuri Kristal baru-baru ini.

Sementara itu, beliau memberitahu, KPKT telah mengenal pasti sebanyak 168 pangsapuri kos rendah di sekitar Selangor yang perlu dibaiki segera ekoran keadaan bangunan serta kemudahan yang daif.

Noh yang juga Pengerusi Badan Per-

hubungan UMNO Selangor berkata, tindakan tersebut merupakan antara usaha yang dilaksanakan Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Barisan Nasional (BN) untuk membela penduduk di kawasan perumahan kos rendah.

"Kalau BN berjaya mentadbir semula Selangor, kita akan melaksanakan pembangunan yang seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar," katanya selepas mengadakan lawatan di Pangsapuri Dahlia, Selayang.

Beliau menambah, bagi membuktikan BN bersedia mengotakan janji tersebut, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM6 juta kepada 12 Badan Pengurusan Bersama (JMB) di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Templer untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan pembinaan kemudahan di perumahan masing-masing.

Dalam lawatan itu, Noh turut merasmikan Dewan Perbandaran dan Pengurusan Blok 4, Pangsapuri Dahlia B, Selayang yang berjaya disiapkan dalam tempoh sebulan sahaja.

Projek terbengkalai sejak 2001



Pangsapuri Kristal terbengkalai sejak 2001.



Tan Sri Noh Omar memberi penjelasan kepada pembeli-pembeli Pangsapuri Kristal di Selayang, Selangor tentang projek membaik pulih yang akan dilaksanakan oleh KPKT dalam perjumpaan baru-baru ini.

Simpati kesedihan keluarga Allahyarham Muhammad Nazirul

MENTERI Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar bersimpati dengan kesedihan yang dialami keluarga Allahyarham Muhammad Nazirul Nasyat Mat Isa yang meninggal dunia setelah terjatuh dari tingkat 10 Pangsapuri Mawar di Selayang Mulia, Selangor pada 19 Mei lalu.

Beliau meluahkan masa menziarahi bapa mangsa, Mat Isa Mohd. Wadi dan ibunya, Norazian Md. Zin ketika mengunjungi kawasan perumahan tersebut baru-baru ini.

Noh turut mengumumkan kelulusan segera peruntukan sebanyak RM500,000 bagi membaiki besi penghadang di Pangsapuri Mawar bagi memastikan insiden yang menimpa kanak-kanak lelaki berusia 9 tahun itu

tidak berulang.

"Kejadian yang hampir sama dulu di Kota Damansara. Al-Fatihah buat arwah dan takziah buat ahli-ahli keluarga," katanya.

Murid tahun tiga Sekolah Kebangsaan Selayang 2 itu meninggal dunia akibat cedera parah pada bahagian kepala.

Noh turut menyalurkan kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) Pangsapuri Mawar untuk mengka-ji langkah-langkah tambahan yang boleh diambil bagi mempertingkatkan tahap keselamatan di kawasan berkenaan.

"Kita akan turut meminta nasihat daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) tentang aspek-aspek keselamatan termasuk dari segi pemasangan jeriji," jelasnya.



Tan Sri Noh Omar menenangkan Mat Isa Mohd. Wadi yang masih bersedih setelah kehilangan anaknya, Muhammad Nazirul Nasyat yang meninggal dunia akibat terjatuh dari tingkat 10, Pangsapuri Mawar di Selayang Mulia, Selangor baru-baru ini.

APA KATA PENDUDUK?

"KONSEP kejiranan yang diamalkan penghuni PPR Hiliran Ampang ini bertepatan dengan Projek Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)..."

ISA SAID, Penduduk PPR Hiliran Ampang

muka 11



Buletin

Bandar



NEGARAKU

22 - 28 MEI 2017 • 25 SYAABAN - 2 RAMADAN 1438

Nasib pembeli projek terbengkalai dibela

RM22 juta
baik pulih
Pangsapuri
Kristal

"Kerja-kkerja membaik pulih akan dilaksanakan tahun ini dan perunding projek yang dilantik oleh KPKT akan membuat penilaian bagi mengenal pasti jenis pembaikan."

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan




muka 15



Harta pemilik
kediaman
berstrata disita

muka 11



Amri
kembali
sarung jersi
Selangor

muka 14



Simpati
kesedihan
keluarga
Allahyarham
Muhammad
Nazirul

muka 15